

A AB *2020*

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN



Sabtu, 19 Desember 2020
Edutorium, MOE HQ

Pengerusi Bersama AGAB 2020



**Professor Madya Mohd Mukhlis
Abu Bakar**

Ahli

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Encik Abdul Harris Sumardi

Naib Presiden
Persatuan Guru-guru
Bahasa Melayu (PGBM)





Encik Mohd Saat Abdul Rahman

Editor

Berita Harian (BH)

Encik Zafilin Abdul Hamid

Ahli

Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan
Bahasa Melayu (MLLPC)





Cikgu Nur Syahirah Binte Sa'adon
Sekolah Rendah West View

Kategori Perangsang

Cikgu Nur Syahirah Binte Sa'adon

Sekolah Rendah West View

Pengalaman Mengajar

Sekolah Rendah West View merupakan sekolah pertama saya setelah saya tamat pengajian di NIE. Saya menjalani sesi amali (*practicum*) di sekolah tersebut dan langsung dipanggil semula untuk mengajar di sekolah itu. Sewaktu mengajar di sekolah itu, saya belajar secara sambilan selama 4 tahun di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Saya dimasukkan dalam senarai dekan pada salah satu semester pengajian saya.

Saya berpeluang untuk mengajar semua peringkat dalam masa 5 tahun ini. Saya juga meraih pengalaman mengajar murid-murid Darjah 6 Standard selama 3 tahun. Pada tahun 2018, saya telah ditemu bual oleh Berita Harian mengenai pengajaran yang saya jalankan untuk murid-murid Darjah 1. Pengajaran tersebut berpusatkan Belajar Menerusi Pengalaman (*Experiential Learning*) di mana saya mewujudkan situasi menjual beli dalam kelas itu bagi mengajar Kata Tanya.

Sepanjang 5 tahun ini, saya telah membentangkan 2 kertas kajian di Seminar Bahasa Melayu. Saya telah dipilih untuk membentangkan salah satu daripada kertas kajian itu di Persidangan Antarabangsa Pendidikan 4.0 yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Saya mendukung peranan sebagai Koordinator VIA dalam sekolah saya. Setiap tahun, saya akan melakarkan aktiviti yang sesuai bagi setiap kohort. Bagi mendapatkan pengalaman yang lebih bermakna untuk murid-murid di sekolah, saya telah berkolaborasi dengan organisasi-organisasi seperti *Salvation Army*, *Hagar Project*, *Food From The Heart* dan juga syarikat-syarikat seperti *Kao Singapore* dan *PUB Singapore*. Pengalaman berkolaborasi ini juga saya gunakan untuk menganjurkan konsert Hari Raya di sekolah bersama Sekolah Menengah West Spring.

Di sekolah, saya juga telah menjadi guru disiplin peringkat selama 4 tahun. Saya bertanggungjawab untuk mengendalikan kes-kes disiplin bagi peringkat tersebut.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid amat ketara pada masa kini. Kadangkala, murid-murid juga tidak didedahkan kepada bahasa Melayu sewaktu di tadika. Maka itu, ada kalanya, pendedahan terhadap bahasa Melayu hanya akan bermula pada saat mereka berada di Darjah 1. Ketika saya mengajar Darjah 1, saya pernah mengalami situasi yang mana ada murid tidak mempunyai pendedahan kepada bahasa Melayu. Saya hanya dapat tahu tentang perkara itu ketika saya melihat dirinya tidak mahu terlibat dalam aktiviti yang saya jalankan. Jika dilihat pada sudut yang lain, perbuatan tersebut kelihatan seperti murid itu berkelakuan nakal. Pengajaran saya sering terganggu kerana masa akan digunakan untuk mendapatkan perhatian murid itu. Justeru, saya melakarkan cara untuk menukarkan situasi ini agar murid itu dapat berasa seronok dalam pengajaran Bahasa Melayu. Buat beberapa minggu, saya menyelitkan lagu-lagu Melayu kanak-kanak setelah mengajarkan fonetik. Saya mendapatkan murid-murid untuk mengikut gerak-geri yang saya ciptakan bersama dengan lagu itu. Gerak-geri itu sebenarnya berkait rapat dengan lirik lagu tersebut, seperti mengaksikan perbuatan bagi perkataan itu. Secara tidak langsung, murid-murid dapat mempelajari kosa kata yang baharu secara kinestetik.

Murid-murid darjah 6 kadang kala terbawa-bawa dengan masalah yang mereka ada bersama keluarga dan rakan. Perkara ini akan menjejaskan motivasi mereka, terutama sekali jika mereka tidak begitu mahir dalam subjek Bahasa Melayu. Cabaran yang paling hebat adalah ketika Pembelajaran di Rumah akibat COVID-19. Saya dapat merasakan motivasi mereka semakin menurun waktu itu. Saya mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati kerana saya tidak mahu minat mereka akan bahasa Melayu terus terjejas. Saya mengambil peluang ini untuk mendekatkan diri saya kepada mereka dengan meluangkan masa menerusi telefon dan aplikasi WhatsApp. Saya menggunakan peluang menerusi tugasan yang telah mereka hantarkan sebagai perbincangan.

Dalam perbincangan mengenai tugas itu, saya menyelitkan nasihat-nasihat dan kata-kata semangat kepada mereka. Meskipun ada kalanya mutu tugas itu tidak memuaskan, saya tidak memarahi mereka, malah saya memberi peluang kepada mereka untuk menilai kembali mutu tugas tersebut dan menggunakan kembali konsep-konsep yang pernah saya ajarkan.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Detik paling manis dalam kerjaya saya adalah pada saat seorang murid datang dan berkata, "Cikgu, saya suka cara Cikgu mengajar. Dahulu, saya tidak pernah lulus subjek ini. Apabila Cikgu mengajar saya semasa saya Darjah 2, saya mendapat markah yang tertinggi. Setelah itu, saya tidak lagi lulus Bahasa Melayu. Semenjak Cikgu mengajar saya kembali, saya dapat markah yang agak baik dalam Bahasa Melayu. Saya berjanji akan memberikan Cikgu Gred A seperti yang Cikgu harapkan dalam diri saya".

Apabila murid tersebut mendapat kembali keputusan peperiksaan PSLE, dia membawa saya kepada ayah dan kakaknya. Dia berkata kepada mereka, "Inilah Cikgu Melayu saya yang telah mengajar saya sehinggakan saya mendapat Gred A untuk Bahasa Melayu".

Saya merasakan suatu kejayaan setiap kali saya melihat perkembangan murid tersebut dalam penggunaan bahasa Melayu. Murid-murid yang teragak-gagak bertutur dalam bahasa Melayu akhirnya dapat bertutur dengan baik tanpa perlu berfikir lama untuk menyusun kata-katanya. Itulah detik-detik manis yang tidak dapat saya lupakan.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Saya berharap agar para guru tidak putus asa terhadap anak murid mereka. Meskipun ada kalanya mereka bersikap degil dan tidak selesaikan tugas yang diberikan dengan teliti, kita harus percaya bahawa setiap murid sebenarnya mempunyai bakat mereka yang tersendiri. Jika kita mengambil inisiatif dan cuba berinteraksi dengan mereka, pasti kita akan dapat memahami diri dan sikap mereka.

Setiap kata-kata yang kita ucapkan akan mereka pegang untuk membentuk jati diri mereka. Kita sebenarnya memainkan peranan yang penting untuk membentuk keyakinan dalam diri murid.

Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman

Bagi saya, Arif Budiman membawa pengertian seorang duta atau ikon yang bukan hanya berintelektual, namun tetap merendah diri dan sentiasa menjaga tutur kata, sikap dan perbuatan dalam apa jua yang dilakukan. Orang Melayu dikenali dengan adab dan kesantunannya. Justeru, seseorang yang dianggap Arif Budiman dipandang sebagai suri teladan bagi golongan pelapis yakni anak-anak muda yang bakal melestarikan bahasa dan budaya Melayu pada masa hadapan.





Cikgu Siti Rohani Hanim Binte Selamat
Sekolah Menengah Fuhua

Kategori Perangsang

Cikgu Siti Rohani Hanim Binte Selamat

Sekolah Menengah Fuhua

Pengalaman Mengajar

Saya mula mengajar pada tahun 2010. Sekolah pertama saya ialah Sekolah Menengah Chestnut Drive, yang kini tiada lagi setelah bergabung dengan Sekolah Menengah Fajar pada tahun 2016. Semasa di sekolah pertama itu, saya beruntung kerana dapat mencuba pelbagai kaedah pengajaran. Disebabkan jumlah pelajar yang lebih kecil, saya senang membawa pelajar-pelajar keluar dari bilik darjah dan mengadakan pembelajaran di taman, kantin ataupun di padang sekolah. Di situ, kami dapat berbincang dengan lebih santai tentang pelbagai aspek bahasa atau seronok mengadakan aktiviti pembelajaran sambil menikmati alam semula jadi di sekeliling sekolah.

Saya telah melibatkan diri dalam pelbagai usaha menggalakkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Malah, saya pernah membuat penyampaian dalam persidangan *International Conference on Teaching and Learning with Technology (ICTLT)* pada tahun 2014. Saya terus giat melibatkan diri dan masih bergelar guru pemacu ICT atau *ICT Champion*.

Ketika saya beralih ke Sekolah Menengah Fuhua pula, saya dilantik menjadi guru pembimbing bagi unit Panduan untuk Pendidikan dan Kerjaya (ECG). Salah satu tanggungjawab saya adalah untuk menerajui program *Elective Modules* untuk pelajar aliran Normal. Melalui program ini, pelajar diberikan peluang untuk menimba ilmu dan didedahkan pada alam pekerjaan melalui modul-modul seperti kulinari, program keusahawanan dan program mereka permainan menggunakan kaedah realiti berperantara atau *Augmented Reality*. Selain itu, saya juga menyandang jawatan guru bertanggungjawab bagi kegiatan kokurikulum *Infocomm Club* dan bakal menjadi guru terlatih dalam keperluan khas (TSN).

Saya amat mensyukuri pengalaman yang saya raih selama hampir 10 tahun menjadi seorang guru. Ramai yang telah membimbing, merangsang dan menjadi inspirasi untuk saya lebih berusaha agar dapat menjadi guru yang sebaik-baiknya.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Berdasarkan profil pelajar-pelajar saya, saya mendapati bahawa lebih ramai yang kini cenderung berbahasa Inggeris, sama ada di rumah ataupun di sekolah. Akibatnya, ada yang akan berasa janggal untuk berbual dalam bahasa Melayu sepenuhnya atau terdapat kegenjotan dari segi bahasa dan struktur ayat dalam penulisan mereka. Kadang-kala, penulisan mereka juga menunjukkan gaya bahasa yang keinggerisan, akibat terlalu bergantung pada aplikasi seperti Google Translate.

Untuk mengatasi masalah ini, saya menggalakkan mereka untuk tidak segan bertanya dalam kelas tentang terjemahan bagi perkataan-perkataan dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Mereka juga digalakkan untuk menulis terjemahan ini dalam buku catatan mereka sendiri bersama nota-nota bahasa yang lain.

Malu berkayuh perahu hanyut. Saya tidak mahu perkara ini terjadi kepada pelajar-pelajar saya. Oleh itu, saya sangat menggalakkan budaya rajin bertanya dalam kelas agar mereka akan rasa terangsang untuk mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dan seronok mengenali kosa kata yang lebih mencabar secara beransur-ansur.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

“Saya minta maaf, Cikgu kerana banyak buat silap dalam kelas. Terima kasih sebab ajar saya.” Kata-kata pelajar yang pernah saya anggap sebagai pelajar nakal itu masih lagi saya kenangkan hingga sekarang. Berbanding dengan pelajar-pelajar lain dalam kelas, dia jarang berborak dan sering kelihatan tidak bermaya dalam kelas. Malah, dia sering mengatakan bahawa dia menganggap pelajaran Bahasa Melayu agak payah. Oleh itu, ungkapan yang diberinya sejurus selepas acara Hari Graduan itu membuat saya terkejut seketika. Saya tidak sangka bahawa dia sebenarnya menghargai pengajaran saya dalam kelas.

Saya juga masih teringatkan dakapan seorang ibu kepada bekas pelajar saya yang saya temui di luar pasar Jurong West. Dia mengatakan bahawa dia sangat berterima kasih kerana berkat usaha guru-guru kelas, anaknya kini seronok belajar di Institusi Pendidikan Teknikal walaupun pernah menyatakan niatnya untuk berhenti sekolah pada tahun sebelumnya. Saya tidak sangka bahawa dia sebenarnya menghargai pengajaran saya dalam kelas.

Peristiwa-peristiwa seperti inilah yang menjadi kenangan yang manis buat saya. Malah, semangat saya untuk terus mendidik dan berjuang untuk pelajar semakin meningkat kerana saya yakin semua yang telah saya lakukan untuk pelajar berbaloi.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Sebagai seorang guru, saya berharap saya berupaya menyemarakkan semangat belajar dan ingin pelajar-pelajar saya berjaya. Saya mahu mereka menyedari bahawa pendidikan merupakan aset penting dan mampu mengubah taraf hidup mereka, lebih-lebih lagi bagi pelajar yang datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan atau keluarga pincang. Sebagai seorang pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dahulu, saya tahu dan peka akan masalah yang mereka lalui. Namun, saya percaya dengan pendidikan yang baik dan holistik, mereka akan mampu memperbaiki diri serta kehidupan keluarga mereka.

Dari segi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu pula, saya berharap bahasa Melayu akan terus disanjung dan disayangi pelajar-pelajar serta anak-anak bangsa. Saya teringin melihat bahasa Melayu bersifat mesra dan lazim digunakan di pentas dunia pada suatu hari nanti. Jikalau Mark Zuckerberg tertarik untuk fasih berbahasa Cina, dan Madeleine Albright masih mengekalkan keupayaannya berbahasa Czech, tentu sekali Bahasa Melayu boleh turut dijulung di pentas dunia oleh anak-anak bangsa atau anak-anak didik Bahasa Melayu nanti.

Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman

Pada saya, takrifan arif budiman itu ialah orang yang berilmu, berguna dan yang paling penting, berjasa. Bak kata pepatah, kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau. Tiada gunanya kita berilmu jikalau ilmu itu tidak digunakan, lebih-lebih lagi buat kebaikan diri sendiri dan orang-orang lain. Oleh itu, saya cuba semaikan pendirian ini dalam kehidupan harian saya dan berharap anak-anak didik saya juga akan terpengaruh untuk ikut serta.

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi darjat kerana bahasa.



1. **Amira Ariana**
Binte Sudirman
2. **Shahan Zachary**
Koestoer





Cikgu Elna Binte Hussin
Sekolah Rendah Westwood

Kategori Teladan

Cikgu Elna Binte Hussin

Sekolah Rendah Westwood

Pengalaman Mengajar

Tahun ini merupakan tahun yang ke-17 saya mengajar. Saya mula mengajar di Sekolah Rendah Yuhua pada tahun 2003. Saya diberikan tanggungjawab untuk mengajar murid-murid Darjah 6 EM3 pada ketika itu. Satu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan adalah ketika berdepan dengan situasi-situasi yang agak mencabar. Namun, pengalaman itu juga mengajar saya cara untuk menangani masalah dan pengurusan di dalam bilik darjah serta melihat cabaran tersebut dari sudut perspektif yang berbeza.

Tanggungjawab untuk merancang dan membawa murid-murid darjah lima ke negara jiran telah menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran bahasa dan budaya Melayu dalam suasana yang autentik. Selain itu, murid-murid juga belajar untuk hidup berdikari dan tidak mementingkan diri sendiri. Melalui program penyerapan ini, murid-murid juga mempelajari tentang kehidupan di negara jiran. Pengalaman bersama murid-murid dan guru-guru ke negara jiran telah mempertingkatkan pemahaman mereka tentang budaya dan bahasa Melayu.

Pada tahun 2017, saya berpindah ke Sekolah Rendah Westwood. Saya telah menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu dan Tamil. Saya memastikan setiap program yang dijalankan akan menimbulkan keseronokan dan menambah nilai dalam pembelajaran bahasa dan budaya Melayu di sekolah. Program-program yang dijalankan untuk murid-murid ialah Program DwiMinggu Bahasa, Pembelajaran di Luar Bilik Darjah, Lawatan Pembelajaran dan Program Bacaan Luas. Saya juga menggalakkan guru-guru untuk sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan pengajaran dengan menghadiri kursus dan sesi perkongsian dan, melakukan Kajian Tindakan (*Action Research*).

Penggunaan alat bantu mengajar dan wadah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) lazim digunakan di dalam dan luar bilik darjah. Alat bantu mengajar dan wadah ICT telah dapat membantu memperluaskan tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Sebagai guru, saya juga harus mengikuti perkembangan dalam pendidikan kerana profil murid sudah berubah. Penggunaan ICT yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran telah menambahkan keseronokan dan membantu dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Tambahan lagi, dalam situasi pandemik COVID-19 kini, penting untuk saya sentiasa memperkasakan pengetahuan dalam penggunaan ICT. Selaku ketua subjek, penting untuk saya menjadi contoh kepada guru-guru di sekolah saya.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Dunia tanpa sempadan dan globalisasi ini telah memberikan kesan yang sangat signifikan dalam bidang pendidikan. Sebagai guru Bahasa Melayu, salah satu cabaran yang saya alami merupakan pendedahan, penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid saya.

Pendedahan terhadap bahasa Melayu pada hari ini agak terhad. Semasa kelas Bahasa Melayu, murid-murid akan mempelajari dan bertutur dengan rakan-rakan dan guru menggunakan bahasa Melayu. Pendedahan terhadap bahasa Melayu akan terhenti sebaik sahaja mereka menjejakan kaki ke luar kelas bahasa Melayu. Hal ini akan menjadi lebih mencabar sekiranya mereka berkomunikasi menggunakan bahasa lain di rumah. Dengan pendedahan yang terhad, penguasaan bahasa Melayu akan terjejas. Penguasaan kosa kata murid-murid akan berkurangan. Ini akan menghambat mereka untuk bertutur dengan yakin. Keterbatasan kosa kata akan menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Murid akan memilih untuk menggunakan bahasa yang mereka lebih yakin gunakan dan mudah untuk mereka berkomunikasi. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah akan menjadikan murid-murid kurang yakin untuk menggunakan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu akan berkurangan dan hanya akan digunakan dalam situasi yang tertentu sahaja.

Untuk melahirkan pengguna bahasa Melayu yang cekap merupakan satu cabaran. Dari itu, pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah sangat penting. Saya harus memastikan pengajaran saya menarik sehingga dapat menarik minat murid untuk belajar bahasa Melayu secara intrinsik. Saya juga memastikan pengajaran saya dapat meningkatkan keupayaan murid untuk berbahasa Melayu. Mengenali profil murid saya akan dapat membantu mengetahui kecenderungan mereka agar saya dapat membina bahan pengajaran yang bermakna untuk murid-murid saya. Saya juga sentiasa mengingatkan murid-murid tentang pentingnya mempelajari bahasa Melayu. Sebagai penutur jati, mereka memainkan peranan yang penting untuk memastikan bahasa ibunda dapat kekal dan tidak lenyap ditelan zaman.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Sebagai seorang guru, tentu sekali saya ingin melihat murid saya mencintai bahasa Melayu. Hal ini menjadi kenyataan apabila seorang ibu bertemu dengan saya semasa sesi pertemuan dengan ibu bapa di sekolah. Beliau berkongsi bahawa anaknya terdorong untuk belajar bahasa Melayu dan menyukai subjek itu sejak memasuki kelas saya. Dorongan intrinsik untuk belajar Bahasa Melayu mula berputik sehingga murid itu berjaya menghasilkan sebuah sajak khas untuk saya. Murid tersebut telah merakamkan pengalamannya di dalam kelas saya dengan menghasilkan sebuah sajak. Sajak itu menggambarkan pengamatan yang sangat teliti dan tajam. Sajak tersebut telah diterbitkan di Berita Harian pada Isnin, 4 Disember 2006. Sajak itu amat bermakna dan meninggalkan kesan kepada saya. Ketika itu, saya baru mula mengajar. Penghasilan sajak tersebut merupakan detik paling manis dalam kerjaya saya sebagai guru.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Sebagai seorang pendidik, saya berharap generasi muda akan terus menggunakan dan melestarikan bahasa dan budaya Melayu. Pengguna bahasa Melayu harus yakin dan bangga untuk menggunakan bahasa Melayu dalam apa sahaja situasi. Pembelajaran bahasa Melayu bukan sekadar untuk lulus dalam peperiksaan tetapi untuk berhubung dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang efektif dan dibanggakan.

Pengertian Peribadi Tentang Arif Budiman

Arif Budiman merupakan seseorang yang berilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburinya dan sentiasa bersedia untuk menabur bakti kepada masyarakat. Sebagai seorang guru, beliau haruslah berpengetahuan dalam aspek bahasa, budaya, nilai dan emosi. Dengan kecekapan yang dimiliki dalam aspek-aspek tersebut, seseorang akan dapat menjadi penyumbang kepada masyarakat dengan berhemah tinggi.

Selain mendidik murid-murid, seseorang yang mempunyai nilai Arif Budiman akan sentiasa bersedia untuk berkongsi ilmu pengetahuan dengan para guru untuk mempertingkatkan kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Sebagai penyumbang kepada masyarakat, beliau harus berkongsi ilmu pengetahuan yang dimiliki dan menabur jasa kepada masyarakat melalui kerja-kerja amal. Beliau harus menjadi teladan kepada guru-guru dan masyarakat.



Anugerah Guru OPMTL 2020

Pembelajaran bahasa ibunda perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Guru-guru prasekolah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan anak-anak dan pembelajaran bahasa ibunda. Setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima OPMTL 2020 atas sumbangan mereka dalam perkembangan awal kanak-kanak dan pendidikan bahasa ibunda.

Para Penerima Anugerah Guru Bahasa Ibunda Prasekolah (OPMTL) Cemerlang 2020

Kategori Cemerlang



Cikgu Iryamaya Amin

Sparkletots Preschool@Sembawang Blk 755

Cikgu Iryamaya seorang guru cemerlang yang berpengalaman. Beliau merancang aktiviti yang melibatkan kanak-kanak secara aktif dan mereka dapat belajar dengan seronok. Pendekatan yang digunakan oleh beliau sangat berkesan kerana kanak-kanak berjaya menyelesaikan aktiviti tanpa dipandu dan pada masa yang sama menggalakkan rakan sebaya membantu satu sama lain.



Cikgu Almi Roafuziah Mohamed

Sparkletots Preschool@Sengkang West Blk 303A

Cikgu Almi seorang guru cemerlang yang mempunyai minat yang mendalam akan bahasa Melayu. Beliau menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan. Kanak-kanak teruja dengan aktiviti main peranan kerana terdedah pada situasi hidup nyata. Pendekatan ini sangat berkesan kerana kanak-kanak akan menjadi pengguna bahasa Melayu yang cekap. Beliau juga bijak memanfaatkan saat boleh didik untuk mengukuhkan pembelajaran kanak-kanak.



Cikgu Saniah Sakian

My First Skool at Chin Swee

Cikgu Saniah seorang guru cemerlang yang berdedikasi dan komited. Beliau mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan positif untuk kanak-kanak. Bukan itu sahaja, pilihan beliau untuk menggunakan pengajaran pembezaan amat sesuai dengan kebolehan kanak-kanak. Beliau berusaha dengan gigih untuk memastikan kanak-kanak terlibat secara aktif semasa melakukan aktiviti di dalam bilik darjah.

Para Penerima Anugerah Guru Bahasa Ibunda Prasekolah (OPMTL) Cemerlang 2020

Kategori Merit



Cikgu Siti Zaleha Mohamed Puteh

Sparkletots Preschool@Sembawang Blk 789

Cikgu Siti Zaleha ialah seorang guru Bahasa Melayu yang berdedikasi dan inovatif. Beliau sering merancang pelajaran Bahasa Melayu dengan prihatin dan ini dapat dilihat daripada kepelbagaian bahan serta teknik-teknik pengajaran yang digunakan untuk menarik minat murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain bahasa dan literasi, Cikgu Siti juga memupuk minat murid-murid terhadap warisan Melayu dengan mengenalkan kepada mereka pelbagai artifak, muzik, makanan serta pantun Melayu dalam pengajarannya.



Cikgu Maslina Mashudi

Sparkletots Preschool@Bukit Batok Blk 206

Cikgu Maslina memulakan kerjaya beliau sebagai guru Bahasa Inggeris. Oleh sebab cinta beliau akan bahasa Melayu, Cikgu Maslina menyahut cabaran untuk menjadi seorang guru Bahasa Melayu tiga tahun lalu. Kanak-kanak berasa seronok belajar kerana Cikgu Maslina sentiasa merancang pembelajaran menerusi pengalaman yang autentik. Selain memastikan kanak-kanak boleh menggunakan bahasa Melayu dengan baik, beliau menyulam aspek budaya dalam pembelajaran kanak-kanak. Beliau mewujudkan Pusat Warisan di dalam bilik darjah supaya kanak-kanak didedahkan kepada artifak masyarakat Melayu.



Berita Harian

